



Tingkat kesedaran ibu bapa untuk memastikan anak berusia lima hingga 11 tahun dapat suntikan vaksin. (Foto Aziah Azmee/BH)

Tingkat promosi kanak-kanak dapatkan vaksin

Kadar suntikan masih rendah dibimbangi jejakan pembelajaran bersemuka

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan perlu terus meningkatkan usaha dan promosi supaya lebih ramai kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun di negara ini mendapatkan suntikan vaksin COVID-19.

Pakar perubatan kesihatan awam Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Halimatus Sakdiah Minhat, berkata ia berikutan tiada lagi sesi penggiliran bagi murid sekolah rendah mulai 17 April ini dan mereka perlu hadir ke sekolah seperti biasa.

Beliau berkata, dengan jumlah kanak-kanak yang mendapatkan suntikan vaksin masih rendah, prosedur operasi standard (SOP) di sekolah masih perlu diteruskan.

"SOP termasuk memakai pelitup muka dan pembasmi kuman perlu diteruskan kerana tidak mustahil

berlaku peningkatan kes dalam kalangan kanak-kanak di sekolah dan ini sudah dapat dijangka.

"Justeru, promosi pengambilan vaksin dalam kalangan kanak-kanak perlu diteruskan terutama bagi mewujudkan kesedaran terhadap ibu bapa," katanya kepada *BH* semalam.

Kelmarin, Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr Radzi Jidin, memaklumkan sesi persekolahan tanpa penggiliran bagi murid sekolah rendah akan dimulakan pada 17 April ini bagi negeri kumpulan A dan pada 18 April bagi negeri kumpulan B.

Menerusi satu video yang dikongsikan di akaun Facebook, beliau berkata, keputusan itu dibuat selepas perkara terbabit dibincangkan secara panjang lebar di peringkat Kementerian Pendidikan (KPM).

Dr Halimatus Sakdiah turut menyambut baik

pengumuman berkenaan kerana sudah tiba masanya untuk menghentikan sistem itu dalam keadaan negara menuju fasa peralihan ke endemik.

Katanya, sesi itu menyebabkan masalah keciciran pelajaran yang menjadi isu yang signifikansi sekarang terutama dalam kalangan murid sekolah rendah.

"Walaupun pada minggu murid tidak perlu ke sekolah dijanjikan pembelajaran dan pengajaran di rumah (PdPR), namun ia tidak berlaku malah ketika ini murid terbiar tanpa pembelajaran dalam talian," katanya.

Justeru, beliau berkata, dengan tiada lagi sesi penggiliran, murid akan dapat ke sekolah dan menjalani sesi pembelajaran seperti biasa namun mengikut SOP ditetapkan bagi terus mengekang penularan.

“Dengan jumlah kanak-kanak yang mendapatkan suntikan vaksin masih rendah, prosedur operasi standard (SOP) di sekolah masih perlu diteruskan”

Dr Halimatus Sakdiah Minhat,
Pakar perubatan kesihatan awam UPM

